



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MASALAH PEMBELAJARAN SAINS DALAM KALANGAN PELAJAR YANG
MEMPUNYAI TAHAP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS TERHAD**

SAZANOL KASUMAWATI BASROM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIOLOGI)**

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui bahawa segala maklumat dalam disertasi ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 Mei 2011

SAZANOL KASUMAWATI

M20072000634



PENGHARGAAN

Saya bersyukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan hidayatNya maka saya dapat menjalankan kajian ini dan seterusnya menyiapkan laporan kajian ini walaupun dengan seribu satu macam dugaan dan kepayahan.

Saya juga bersyukur kerana saya dikurniakan dengan dua orang penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Sophia Md. Yassin dan juga Dr. Hasimah Alimon yang tidak jemu-jemu memberi sokongan, bimbingan dan tunjuk ajar sehingga saya dapat menyiapkan kajian dan juga laporan ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan buat mereka. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Sains & Teknologi yang telah mengajar kursus-kursus Sarjana kepada saya selama dua semester. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada para Pengetua, Penolong Kanan, guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah tempat saya menjalankan kajian atas kerjasama yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga saya terutamanya buat suami Sarifudin Md. Yusof, anak-anak saya Sofwa, Sakinah, Su'aidah dan Saiyidah juga ibu saya Musalma Jones dan ibu mertua saya Kasma Bibi atas sokongan dan doa agar saya berjaya dalam kursus sarjana ini. Tidak lupa juga kenangan dan Al-Fatihah buat arwah bapa saya Basrom Taimon, kakak saya Khairul Bariah dan ibu saudara saya iaitu Seringaten Taimon di mana ketiga-tiganya telah kembali ke Rahmatullah pada tahun 2009 atas sokongan dan doa yang telah diberikan selama hayat mereka masih ada.



ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris terhad (*Limited English Proficiency*, LEP) berdasarkan faktor guru, keluarga, rakan-rakan dan juga diri pelajar LEP itu sendiri. Kajian ini melibatkan semua pelajar LEP di sembilan buah sekolah menengah dalam Daerah Kuala Selangor. Pelajar-pelajar LEP ini telah diberi borang soal selidik mengenai masalah pembelajaran Sains dalam kalangan mereka. Kajian diteruskan dengan temubual ke atas duapuluh orang pelajar LEP yang dipilih secara rawak bagi mendapatkan cadangan mengatasi masalah pembelajaran mereka. Analisa data kuantitatif menunjukkan faktor guru adalah penyumbang terbesar terhadap masalah pembelajaran Sains diikuti dengan faktor diri pelajar sendiri, keluarga dan rakan-rakan. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi masalah pembelajaran Sains mengikut jantina bagi faktor guru. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan mengikut jantina bagi faktor keluarga, pelajar dan rakan-rakan. Analisa data kualitatif menunjukkan kebanyakan responden mencadangkan guru perlu mengubah cara pengajaran, mengamalkan sikap positif dan bertindak sebagai pendorong. Pelajar LEP pula harus mengamalkan sikap positif terhadap subjek sains, menumpukan sepenuh perhatian dan berusaha bersungguh-sungguh dalam mempelajari subjek tersebut. Cadangan lain seperti sokongan moral dan kewangan daripada keluarga dan sikap positif daripada kalangan rakan sebaya adalah diharapkan. Kajian ini memberi implikasi terhadap golongan guru, keluarga, rakan-rakan dan diri pelajar LEP sendiri di mana mereka harus menyedari tentang peranan yang perlu mereka laksanakan agar masalah pembelajaran Sains yang dihadapi oleh pelajar LEP dapat diatasi. Sejajar dengan itu, kajian ini menuntut perubahan dalam kaedah pengajaran guru apabila berhadapan dengan pelajar yang mempunyai pelbagai sikap, tahap kebolehan dan minat.





ABSTRACT

The main aim of this research was to determine the problems in learning Science among Limited English Proficiency (LEP) students based on factors such as teachers, families, peers and the students themselves. The research involved all LEP students from nine secondary schools in the district of Kuala Selangor. The instrument used was a questionnaire on learning problems in Science. The interview sessions were conducted on twenty LEP students who were randomly selected to identify their suggestions to overcome their problems in learning Science. The quantitative data analysis shows that teachers are the main factor influencing the learning problems in Science followed by other factors namely the students themselves, family and peers. The findings from this research also show that there was no significant difference according to gender. However there were significant differences between gender for other factors such as family, students and peers. Analysis from interviews demonstrate that most of the interviewees suggested that teachers should change their learning strategies, practice positive attitudes, as well as act as a motivator for the students. On the other hand, the LEP students should also adopt a positive attitude towards the science, gave serious attention and work hard in learning the subject. Other suggestions to overcome the learning problems include moral and financial supports from the family and positive attitudes by their peers. This research has important implications to teachers, families, peers and the students such as each group should know their own roles to overcome the learning problems among the LEP students in Science. Moreover this research suggests changes in teachers' teaching strategies in dealing with students' attitude, ability and interest.



KANDUNGAN

Mukasurat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi

SENARAI SINGKATAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	5
1.2	Objektif Kajian	6
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Definisi Secara Operasi	8
1.5	Kerangka Teori	8
1.6	Signifikan Kajian	11
1.7	Limitasi Kajian	12
1.8	Rumusan	13

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1	Pengenalan	14
2.2	Rasional dan Isu-Isu Dasar PPSMI	15
2.3	Pelajar Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Terhad (LEP)	22
2.3.1	Kriteria Mengenalpasti Pelajar LEP	24
2.4	Pembelajaran Konten dan Bahasa Secara Bersepadu (CLIL)	26
2.4.1	Sejarah CLIL	26
2.4.2	Amalan CLIL	29
2.4.3	Perbandingan Dasar PPSMI dengan CLIL	32
2.5	Masalah Pembelajaran Sains dalam Kalangan Pelajar LEP	33
2.6	Kaedah Mengatasi Masalah Pembelajaran Pelajar LEP	36
2.7	Rumusan	42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	44
3.2	Rekabentuk Kajian	44
3.3	Persampelan	46
3.4	Instrumen Kajian	48
3.5	Tatacara Pengumpulan Data	50
3.6	Kajian Rintis	51
3.7	Penganalisaan Data	56
3.8	Rumusan	58



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	59
4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen SMaPS	61
4.3	Profil Latarbelakang Pencapaian Pelajar LEP	63
4.4	Masalah Pembelajaran Sains dalam Kalangan Pelajar LEP	65
4.4.1	Faktor Guru	67
4.4.2	Faktor Pelajar	71
4.4.3	Faktor Keluarga	75
4.4.4	Faktor Rakan	79
4.5	Masalah Pembelajaran Sains Pelajar LEP Mengikut Jantina	83
4.6	Kaedah Mengatasi Masalah Pembelajaran Sains Pelajar LEP	85
4.6.1	Peranan Guru	85
4.6.2	Peranan Pelajar	90
4.6.3	Peranan Keluarga	94
4.6.4	Peranan Rakan-rakan	98
4.6.5	Cadangan Pendekatan Pengajaran Sains dalam Bahasa Inggeris	104
4.7	Kesimpulan	106



BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI & KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	107
5.2	Tahap Pencapaian Pelajar LEP	108
5.3	Masalah Pembelajaran Sains Pelajar LEP	109
5.4	Kaedah Mengatasi Masalah Pembelajaran Sains	116
5.5	Implikasi Kajian	121
5.6	Cadangan	123
5.6.1	Kepentingan PLBS dalam Menangani Masalah Pelajar LEP	123
5.6.2	CLIL dan Pemansuhan Dasar PPSMI	125
5.7	Kesimpulan	128

RUJUKAN	131
----------------	------------



SENARAI RAJAH

Rajah

Mukasurat

1.1 Kerangka Teori

10

3.1 Rekabentuk Kajian

45



SENARAI JADUAL

Jadual	Mukasurat
3.1 Maklumat Pelajar Mengikut Sekolah dalam Kajian Sebenar	47
3.2 Analisa Faktor Kajian Rintis Pertama	53
3.3 Senarai Sekolah Kajian Rintis Kedua	54
3.4 Analisa Faktor Kajian Rintis Kedua	55
4.1 Kategori Aspek-aspek Bagi Data Kualitatif	60
4.2 Item-item dan <i>Factor Loading</i> dalam Instrumen SMaPS	62
4.3 Tahap Pencapaian Akademik Pelajar LEP dalam PMR 2008 dan PLBS 2009	64
4.4 Bilangan dan Peratus Pelajar LEP Mengikut Jantina	65
4.5 Min dan Sisihan Piawai Masalah Pembelajaran Sains Pelajar LEP Mengikut Faktor	66
4.6 Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Faktor Guru	67
4.7 Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Faktor Pelajar	72
4.8 Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Faktor Keluarga	75
4.9 Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Faktor Rakan-rakan	80
4.10 Min dan Sisihan Piawai Masalah Pembelajaran Sains Mengikut Jantina	84



SENARAI SINGKATAN

ANOVA	-	Analisis varians
CLIL	-	Pembelajaran Konten dan Bahasa Secara Bersepadu
ETeMS	-	Bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
LEP	-	Tahap penguasaan Bahasa Inggeris terhad
MBMMBI	-	Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
PLBS	-	Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPSMI	-	Pengajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
SMaPS	-	Soal selidik Masalah Pembelajaran Sains
SPSS	-	Pakej Statistik bagi Sains Sosial





BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan



Pada tahun 1993, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad iaitu Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu membuat pengisytiharan bahawa semua kuliah Sains dan teknologi di universiti hendaklah disampaikan dalam Bahasa Inggeris. Tidak sampai 10 tahun kemudian, iaitu pada tahun 2002, Perdana Menteri yang sama membuat pengumuman bahawa matapelajaran Sains dan Matematik di sekolah akan diajarkan dalam Bahasa Inggeris pada tahun berikutnya. Dasar ini diilhamkan kerana bidang Sains dan Matematik adalah bidang ilmu yang paling cepat berkembang dan disebarakan melalui pelbagai media dalam Bahasa Inggeris malah sebahagian besar bahan bacaan mengenai bidang Sains adalah dalam Bahasa Inggeris. Pendedahan awal akan memberi peluang kepada pelajar untuk mengakses maklumat dalam bahasa tersebut (Saidi Samsuddin, 2005).



Dasar baru ini juga merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kemerosotan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan rakyat Malaysia yang pada akhir-akhir ini sudah dikenalpasti sebagai sebahagian daripada faktor yang menjejaskan daya saing negara di peringkat global. Terdapat juga laporan-laporan yang menyatakan salah satu faktor yang menyebabkan para siswazah bangsa Melayu gagal merebut peluang pekerjaan adalah kerana tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka adalah rendah. Dasar ini merupakan satu usaha kerajaan dalam melahirkan graduan yang fasih berbahasa Inggeris untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan (Aniza Abu Bakar *et. al*, 2004). Dasar baru ini juga diharapkan dapat memenuhi kehendak Wawasan 2020 yang memfokuskan pembentukan Negara Malaysia maju. Sehubungan dengan itu, perubahan terhadap sistem pendidikan negara perlu dilakukan sebagai persediaan kepada rakyat Malaysia bagi menghadapi era globalisasi dan ledakan sistem teknologi maklumat demi merealisasikan misi dan visi negara.

Pada tahun 2002, kerajaan telah memutuskan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar matapelajaran Sains dan Matematik di peringkat sekolah rendah hingga ke Tingkatan Enam ataupun dikenali sebagai Pengajaran dan Pembelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Pelaksanaan keputusan itu telah bermula pada tahun 2003 di Tahun Satu (peringkat sekolah rendah), Tingkatan Satu dan Enam Rendah (peringkat sekolah menengah). Implikasi terhadap pelaksanaan dasar tersebut bukan sahaja terhad kepada dua matapelajaran seperti yang difahami oleh kebanyakan orang tetapi melibatkan semua matapelajaran yang berasaskan Sains dan Matematik termasuklah matapelajaran elektif seperti Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan.



Pihak kerajaan telah memberikan sokongan sepenuhnya di dalam pelbagai bentuk dalam usaha untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan PPSMI. Perkara ini adalah penting agar semua guru yang terlibat di dalam PPSMI telah benar-benar bersedia terutamanya dari aspek fizikal dan mental untuk mengajar matapelajaran berkenaan. Kerajaan telah mengadakan kursus Bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik (ETeMS), menyediakan bahan-bahan multimedia seperti pemacu cakera padat dan komputer riba kepada guru-guru yang terlibat (Napisah Napi, 2005). Semua guru yang mengajar Sains dan Matematik telah menjalani latihan dalam tiga peringkat iaitu Kursus Orientasi Kurikulum Sains dan Matematik bagi sekolah rendah dan menengah, latihan penguasaan Bahasa Inggeris serta latihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk pengoperasian perkakasan komputer riba (PPK, KPM, 2006). Dari segi persediaan prasarana di sekolah, kerajaan telah membekalkan set generator bagi sekolah yang tiada bekalan elektrik, peruntukan sebanyak RM5000 - RM15000 juga diberi kepada sekolah untuk membeli peralatan tambahan dan juga dibekalkan dengan paparan kristal cecair, skrin, speaker dan subwoofer, komputer riba serta troli (PPK, KPM, 2006). Menurut Sharifah Maimunah Syed Zin (2004), kerajaan telah melaburkan jutaan ringgit bagi membina kurikulum baru, bahan bantu mengajar, buku teks termasuklah latihan dan bayaran insentif kepada guru yang terlibat.

Pelaksanaan PPSMI di sekolah mungkin membawa pelbagai implikasi kepada pihak-pihak yang terlibat contohnya menyumbang terhadap masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris terhad (LEP). Masalah pembelajaran ini mungkin timbul memandangkan Subjek Sains merupakan suatu subjek yang sudah sedia sukar maka



apabila subjek ini diajar dalam Bahasa Inggeris sudah tentu memberi cabaran yang lebih besar kepada pelajar-pelajar LEP ini. Golongan guru, keluarga, rakan-rakan termasuklah pelajar LEP sendiri mungkin menjadi faktor yang menyumbang masalah pembelajaran kepada pelajar LEP ini. Kenyataan ini adalah kerana golongan guru, keluarga dan rakan-rakan merupakan golongan yang paling hampir dengan pelajar LEP ini. Pelajar-pelajar LEP pula merupakan golongan yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan dasar PPSMI. Daripada hasil kajian oleh Rohani Abd Latif (2006), terdapat hubungan yang positif dan kuat di antara masalah pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris dengan sikap pelajar, gaya pembelajaran dan peranan guru dari sudut pandangan pelajar.

Keluarga terutamanya ibu dan bapa adalah salah satu faktor yang mempengaruhi perkembangan akademik kanak-kanak termasuklah kejayaan mereka dalam pembelajaran subjek Sains. Pencapaian pelajar di sekolah berkait rapat dengan tahap pendidikan ibu dan bapa kerana mereka bertindak sebagai guru utama (Valdez, 2002). Selain daripada itu, latar-belakang keluarga juga boleh mempengaruhi perkembangan kemahiran saintifik kanak-kanak. Kemahiran berkomunikasi berkembang terlebih dahulu daripada kemahiran akademik seorang pelajar (Valdez, 2002). Selain daripada faktor guru, keluarga dan diri pelajar sendiri, rakan-rakan pelajar LEP juga mempunyai pengaruh sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap sikap dan potensi diri mereka. Menurut Ravintheran (2007), individu atau sekumpulan individu akan memberi impak secara langsung terhadap persekitaran sosial di mana melalui komunikasi yang kerap akan membina sesuatu identiti dan mempengaruhi pertumbuhan sosiologi diri serta perkembangan kematangan diri seseorang. Oleh itu, kesemua golongan guru, keluarga, rakan-rakan termasuklah

pelajar LEP sendiri mempunyai tugas dan peranan masing-masing untuk mengatasi masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar LEP dalam subjek Sains.

1.1 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan dasar PPSMI telah menyebabkan subjek Sains diajar dalam Bahasa Inggeris yang telah bermula pada tahun 2003. Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran subjek Sains mungkin menimbulkan masalah pembelajaran terutamanya apabila melibatkan pelajar LEP. Hasil kajian menunjukkan pelajar yang masih belum mempunyai kemahiran kecekapan Bahasa Inggeris yang asas akan menghadapi masalah untuk membaca, berdialog, berdebat dan memberikan gerakbalas bertulis dalam ujian dan peperiksaan (Isahak Haron *et al*, 2008). Menurut Isahak Haron dan rakan-rakan (2008), penggunaan Sains dan Matematik sebagai alat untuk meningkatkan penguasaan murid dalam Bahasa Inggeris tidak berkesan malahan memberi kepayahan besar kepada pelajar untuk belajar Sains dan Matematik, dengan itu menjadikan asas Matematik dan Sains pelajar lemah dan rendah prestasi mereka.

Sehubungan dengan itu pelajar LEP berkemungkinan menghadapi masalah untuk mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran Sains yang sudah pasti melibatkan kemahiran membaca, memahami, menulis dan memberi gerakbalas sama ada secara lisan ataupun bertulis. Menurut Aniza Abu Bakar dan rakan-rakan (2004), penguasaan Bahasa Inggeris pelajar yang kurang memuaskan boleh menjejaskan prestasi, terutamanya motivasi mereka untuk belajar. Dalam senario pengajaran dan pembelajaran, pelajar yang lemah di dalam matapelajaran Bahasa Inggeris akan menghadapi masalah penguasaan ilmu kerana kurang kemahiran dalam bahasa ini. Masalah yang timbul ialah seperti kurang keyakinan diri, masalah tidak memahami

istilah-istilah yang diajar oleh pengajar, masalah penterjemahan dan berbagai lagi. Rentetan daripada itu timbul situasi di mana pelajar menjadi pasif semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Aniza Abu Bakar *et al*, 2004).

Keluarga merupakan suatu sumber penting untuk memulakan sesuatu kehidupan yang baru. Selain daripada itu, status ekonomi, sosial dan keperluan psikologi juga harus dititikberatkan untuk membantu pelajar LEP mencapai kemahiran saintifik dan Matematik (Valdez, 2002). Masalah pembelajaran yang mungkin dihadapi oleh pelajar LEP ini tidak dapat diselesaikan dengan hanya menyalahkan mana-mana pihak sama ada pihak kementerian, sekolah khususnya para guru Sains, ibu bapa atau pelajar sendiri. Seharusnya masalah kelemahan dalam Bahasa Inggeris tidak menghadkan keupayaan pembelajaran pelajar-pelajar LEP untuk menguasai matapelajaran Sains dan Matematik, oleh itu sewajarnya para guru terbabit memainkan peranan mereka dengan aktif. Menurut Cheah dan rakan-rakan (2004), faktor terpenting yang menentukan kejayaan sesuatu inovasi pendidikan ialah guru kerana mereka adalah pelaksana pendidikan yang merancang, mengajar dan menilai pengajaran dan pembelajaran.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah memfokuskan kepada empat faktor iaitu guru, keluarga, rakan-rakan dan pelajar LEP. Kajian memfokuskan penglibatan kesemua empat faktor ini di dalam isu masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar LEP dalam subjek Sains. Secara lengkapnya objektif kajian ini ialah:

- a. Menentukan kesahan serta kebolehpercayaan instrumen SMaPS.
- b. Mengetahui latar belakang pencapaian dalam subjek bahasa bagi mengenal pasti bilangan pelajar LEP mengikut jantina dan bangsa di sembilan buah sekolah menengah di Daerah Kuala Selangor.
- c. Mengenal pasti masalah pembelajaran dalam subjek Sains dalam kalangan pelajar LEP berdasarkan faktor guru, keluarga, pelajar dan rakan-rakan.
- d. Menentukan sama ada wujud perbezaan masalah pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar LEP mengikut jantina.
- e. Mengetahui cara-cara untuk mengatasi masalah pembelajaran dalam subjek Sains yang dihadapi oleh pelajar LEP.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, lima persoalan kajian telah dicadangkan untuk membina suatu penyelesaian masalah dengan cara mengumpulkan data-data secara kuantitatif dan kualitatif. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Apakah tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik masalah pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar LEP?
- b. Apakah profil latarbelakang pencapaian akademik dalam subjek bahasa bagi pelajar LEP di sembilan buah sekolah menengah di Daerah Kuala Selangor?

- c. Apakah masalah pembelajaran dalam subjek Sains yang dihadapi oleh pelajar LEP berdasarkan faktor guru, keluarga, pelajar dan rakan-rakan?
- d. Adakah terdapat perbezaan masalah pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar LEP mengikut jantina?
- e. Apakah cara-cara untuk mengatasi masalah pembelajaran dalam subjek Sains yang dihadapi oleh pelajar LEP?

1.4 Definisi Secara Operasi

Definisi secara operasi bagi istilah yang digunakan dalam kajian ini diberikan di bawah:

1.4.1 Pelajar LEP


Pelajar LEP adalah pelajar yang menghadapi kesukaran untuk bertutur, membaca, menulis dan memahami Bahasa Inggeris yang boleh menyebabkan mereka mendapat markah yang rendah dalam ujian Bahasa Inggeris (Ravintheran, 2007)

1.5 Kerangka Teori

Kerangka teori bagi kajian ini adalah berdasarkan model Interaksionisme yang menekankan hubungan di antara faktor luaran dan faktor dalaman terhadap pencapaian pelajar. Berdasarkan model tersebut, kajian ini telah membentuk kerangka

teori dengan menggabungkan faktor luaran iaitu faktor guru, keluarga dan rakan dengan faktor dalaman iaitu faktor diri pelajar terhadap masalah pembelajaran Sains yang dihadapi oleh pelajar LEP. Kaedah bagi mengenalpasti pelajar LEP adalah berdasarkan latar belakang pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) Bahasa Inggeris. Maklumat tersebut diperolehi dengan cara mendapatkan data dari sekolah-sekolah kajian. Kaedah soal selidik digunakan untuk mengenalpasti masalah pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar LEP berdasarkan faktor guru, pelajar, keluarga dan rakan. Kaedah temubual digunakan untuk menyemak semula masalah pembelajaran pelajar LEP dan seterusnya mendapatkan cadangan daripada mereka kaedah mengatasi masalah tersebut. Kerangka teori bagi kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

Merujuk kepada Rajah 1.1, pelajar-pelajar LEP dikenalpasti sebagai pelajar yang mendapat gred A atau B dalam subjek Bahasa Melayu dan gred C atau D dalam subjek Bahasa Inggeris di peringkat PMR serta memperoleh gred C atau D di peringkat PLBS Bahasa Inggeris. Soal selidik ditadbir terhadap semua pelajar LEP di sekolah-sekolah kajian. Data kuantitatif dari soal selidik dianalisa secara statistik. Perbandingan min digunakan untuk menerangkan faktor-faktor yang menyumbang masalah pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar LEP. Ujian ANOVA digunakan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan masalah pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar LEP mengikut jantina berdasarkan empat faktor tersebut. Penganalisaan terhadap data kualitatif yang diperolehi melalui temubual digunakan untuk mendapatkan cadangan kaedah mengatasi masalah pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar LEP.



Rajah 1.1
Kerangka Teori

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini penting dilakukan untuk memperolehi maklumat bagi mengenalpasti bilangan pelajar LEP di sembilan buah sekolah menengah di Daerah Kuala Selangor. Pelajar-pelajar LEP ini dikenalpasti berdasarkan kepada keputusan PMR dan PLBS Bahasa Inggeris mereka. Pelajar LEP dikenalpasti sebagai pelajar yang mendapat gred A atau B dalam subjek Bahasa Melayu dan mendapat gred C atau D dalam subjek Bahasa Inggeris di peringkat PMR manakala di peringkat PLBS Bahasa Inggeris mereka mendapat gred C atau D. Penyelidik mendapatkan maklumat bagi mengenalpasti masalah pembelajaran yang dihadapi oleh mereka dalam subjek Sains berdasarkan faktor guru, keluarga, rakan-rakan dan pelajar LEP sendiri. Penyelidik juga mendapatkan maklumat dan cadangan tentang kaedah untuk mengatasi masalah tersebut. Hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung seperti pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru Sains khususnya, pihak Kementerian Pelajaran, Institusi-Institusi Pendidikan dan Perguruan atau secara tidak langsung seperti pihak penganjur kursus dan seminar-seminar pendidikan. Kesemua pihak ini seharusnya dapat membuat perubahan atau penambahbaikan bagi memastikan objektif PPSMI tercapai dan seterusnya hasrat murni kerajaan iaitu Wawasan 2020 juga akan terlaksana.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang idea-idea baru kepada pihak-pihak yang terlibat dari pelbagai sudut seperti para guru Sains melakukan perubahan terhadap pendekatan atau kaedah pengajaran sedia ada. Pihak-pihak yang berkenaan juga boleh melakukan perubahan atau penambahbaikan terhadap kemudahan prasarana di dalam kelas atau sekolah contohnya alat bantu belajar yang lebih mesra pelajar atau alat bantu mengajar yang lebih mesra guru. Pihak

Kementerian Pelajaran khususnya pihak penggubal kurikulum dan Pusat Perkembangan Kurikulum juga seharusnya dapat membuat penambahbaikan terhadap kurikulum Sains yang digunakan dalam pendidikan Sains di sekolah. Pihak Lembaga Peperiksaan juga boleh membuat perubahan dan penambahbaikan dari segi penyediaan soalan-soalan peperiksaan yang lebih sesuai untuk menguji tahap kebolehan pelajar.

1.7 Limitasi kajian

Kajian ini dijalankan hanya di sembilan buah sekolah menengah di Daerah Kuala Selangor. Responden yang digunakan tidak dihadkan mengikut bangsa tetapi adalah terhadap kepada pelajar-pelajar di dalam kelas Tingkatan Empat yang mempunyai kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik di dalam sesebuah sekolah. Responden yang dipilih adalah mewakili populasi pelajar LEP di dalam Daerah Kuala Selangor, oleh itu maklumat yang diperolehi dari kajian ini tidak boleh digunakan untuk membuat generalisasi bagi mewakili maklumat daripada semua pelajar LEP di seluruh negeri Selangor atau seluruh negara. Dapatan kajian ini juga hanya terhad untuk mendapatkan data-data bagi isu-isu yang dikaji oleh penyelidik dan mungkin tidak sesuai dalam konteks seluruh negara.

1.8 Rumusan

Masalah pembelajaran merupakan masalah utama yang dihadapi oleh para pelajar. Jika seseorang pelajar itu dapat menguasai sesuatu subjek dan seterusnya mencapai kejayaan yang cemerlang, ia bukan sahaja menjadi kebanggaan kepada diri pelajar tersebut malahan kepada ahli keluarga dan sekolah khususnya kepada para guru yang terlibat. Dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang cemerlang khususnya dalam subjek Sains seharusnya masalah pembelajaran yang dihadapi oleh para pelajar LEP ini dapat dikenalpasti dan seterusnya masalah ini dapat di atasi dengan pelbagai cara. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah pembelajaran Sains yang dihadapi oleh pelajar LEP dan kaedah untuk mengatasi masalah tersebut berdasarkan faktor guru, keluarga, rakan-rakan dan diri pelajar LEP itu sendiri.